

16/07/2004

Dr M, isteri terima Doktor Falsafah UUM

SINTOK: Tun Dr Mahathir Mohamad menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Pembangunan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) pada konvokesyen khas universiti itu di sini semalam.

Isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pula dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Kerja Sosial.

Sultan Kedah yang juga Canselor UUM menyampaikan anugerah itu.

Dr Mahathir dianugerahkan ijazah kehormat itu berikutan jasanya menguruskan pembangunan negara sehingga diiktiraf di seluruh dunia ketika menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Beliau adalah pencetus ilham penubuhan universiti pengurusan itu yang diumumkan pada 1984 sebagai persediaan menghasilkan pengurus berilmu untuk pembangunan negara pada masa depan.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah menerima ijazah kehormat sebagai pengiktirafan dalam kegiatan kemasyarakatan ketika berkhidmat sebagai doktor di Kedah selama 18 tahun bermula pada 1956 serta menjadi Wanita Pertama negara selama 22 tahun.

Dr Siti Hasmah juga adalah antara doktor Melayu terawal berkhidmat di Kedah yang turut terbabit dengan usaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat sekitar tahun 1950-an, terutama berkaitan penjagaan ibu dan kanak-kanak.

Sultan Kedah bertitah baginda dan rakyat menghargai jasa Dr Mahathir yang mencetuskan ilham pembinaan UUM.

"Penubuhan universiti ini pada hemat beta adalah lambang pemikiran mendalam Dr Mahathir mengenai arah tuju negara pada masa akan datang," titahnya.

Baginda bertitah, Dr Siti Hasmah juga banyak berjasa kepada rakyat Kedah menerusi khidmat kerjaya dan kegiatan kemasyarakatannya.

Dr Mahathir dalam ucapannya pula berkata, mereka yang terbabit dalam bidang pengurusan perlu menimba ilmu secukupnya, termasuk pengalaman pengurus yang berjaya di seluruh dunia.

(END)